

# Usahawan mesti positif, jujur

BH-13/3/2007

## Najib minta contohi ketua syarikat Jepun, Korea Selatan bekerja 12 jam sehari



Ahmad Zaini  
Kamaruzzaman  
Seoul, Korea Selatan

**U**SAHAWAN terutama peneraju syarikat Malaysia perlu mengamalkan budaya kerja positif, jujur serta sedia bekerja termasuk lebih 12 jam sehari untuk mahu muncul usahawan berjaya dan berjaya menembusi peringkat global, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ketua eksekutif (CEO), termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu mencontohi ketua syarikat di Jepun dan Korea Selatan yang bekerja sebelum jam 7 pagi dan hanya pulang selepas jam 8.30 malam.

"Saya bertemu CEO syarikat Samsung Techwin Korea yang menyatakan beliau tiba di pejabat sebelum jam 7 pagi dan hanya berada di rumah selepas jam 8.30 malam.

"Inilah budaya kerja, dedikasi dan komitmen usahawan di Korea sehingga muncul negara maju dan mampu melabur di negara lain," katanya pada majlis makan malam bersama delegasi perdagangan Malaysia di sini malam kelmarin.

Najib yang juga Menteri Pertahanan mengetuai rombongan 35 delegasi perdagangan, melakukan lawatan rasmi ke Korea selama enam hari yang berakhir esok. Hadir sama, Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Ser Dr Jamaluddin Jarjis; Menteri Sumber manusia, Datuk Seri

Fong Chan Onn dan Ahli Parlimen serta senator.

Timbalan Perdana Menteri berkata, misi perdagangan bersama membuat keputusan membolehkan mereka mengembangkan rangkaian global, meningkatkan pemindahan teknologi, pelaburan, perdagangan serta mempromosikan sektor pelancongan.


Beliau berkata, Malaysia tiada pilihan kecuali meningkatkan rangkaian perniagaan dan perdagangan global bagi menyaingi negara lain yang menawarkan pelbagai kemudahan dan insentif untuk menarik pelaburan asing.

Katanya, walaupun sektor kerajaan dan swasta Korea Selatan memandang tinggi terhadap Malaysia, mereka masih memperincikan apa yang mampu ditawarkan negara ini.

"Mereka memaklumkan Malaysia antara negara pilihan untuk melabur dan menjalin rangkaian perniagaan tetapi secara terbuka bertanya apa pakej menarik yang boleh kita tawarkan.

"Jika kita menawarkan pakej yang sudah dikira menarik, mereka akan bertanya lagi dan meminta pindaan dan menokok tambah perkara lain dan kita kemudian perlu membuat tawaran lain. Justeru, selain menjalin rangkaian, kita juga perlu berjumpa dan mengenali mereka untuk mengetahui apa yang mereka mahu," katanya.

Najib berkata, usahawan tempatan mesti menampilkan imej positif dan membuktikan kejujuran serta mem-



BINCANG DUA HALA: Najib mengunjungi Presiden Roh di pejabatnya di Seoul, semalam.

promosikan Malaysia sebagai destinasi yang akan menguntungkan pelabur dalam usaha bersaing dengan negara lain.

Katanya, mereka juga tidak harus mempromosikan diri dan perniagaan masing-masing saja, sebaliknya menjual negara dengan mencadangkan supaya Malaysia dijadikan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pejabat wilayah.

Sementara itu, Timbalan Perdana

**“Usahawan patut cadang Malaysia dijadikan pusat R&D”**

Najib Razak  
Timbalan Perdana Menteri

Menteri mempunyai jadual lawatan padat semalam, termasuk pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Sains dan Teknologi Korea, Kim Woo-sik di kompleks kerajaan di Gwacheon.

Beliau kemudian bertemu Menteri Pertahanan, Kim Jang-soo di Kementerian Pertahanan dan disambut penuh istiadat ketenteraan sebelum mengunjungi Presiden Roh Moo-hyun di Cheong Wa Dae.

BERNAMA

PERDANA  
MERSHIP  
NDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA